

Malaysia kecewa

BH - 2 MAR 1994

Britain diam diri

e

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Kerajaan Malaysia kecewa dengan sikap kerajaan Britain yang berdiam diri dengan pembohongan yang dilakukan oleh media negara itu.

Katanya, kerajaan Britain juga tidak dapat bertindak dengan baik untuk menafikan atau memberikan penjelasan yang sebenar mengenai dakwaan akhbar di negara itu kononnya pemimpin kerajaan Malaysia menerima rasuah.

Akhbar Britain baru-baru ini membuat serangan kononnya Dr

Mahathir dan pemimpin negara ini menerima rasuah dalam meluluskan projek yang diswastakan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan Malaysia tidak berkelahi dengan kerajaan Britain dan syarikat negara itu apabila membuat keputusan menghentikan pemberian kontrak baru kepada syarikat Britain.

"Kita tidak berkelahi dengan Kerajaan British dan juga tidak berkelahi dengan mana-mana syarikat... Kita marah pada akhbar Britain dan kita tidak ada

LIHAT MUKA 2

Malaysia kecewa Britain berdiam diri

BH - 2 MAR 1994

DARI MUKA 1

cara nak ambil tindakan (terhadap akhbar Britain)," katanya ketika berucap pada majlis terbuka puasa Pergerakan Pemuda UMNO Bersama Presiden parti di sini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa meneliti setiap perkembangan dan laporan akhbar asing terhadap Malaysia.

Katanya, akhbar di mana-mana dalam dunia ini mempunyai kebebasan untuk melapor apa yang benar, tetapi itu tidak bermakna mereka berhak membuat pembohongan dan laporan melulu.

"Bebas untuk berbohong bukan hak akhbar, bebas untuk melapor yang benar...ya," katanya sambil menegaskan: "Kita juga tidak berkelahi dengan John Major, tetapi dengan kebebasan akhbar di negara itu."

Mengenai dakwaan bahawa Kerajaan Britain memberi bantuan RM1,000 juta untuk pro-

jek hidro elektrik Pergau, Dr Mahathir menjelaskan bahawa jumlah itu sebenarnya bukan bantuan, tetapi pinjaman yang diberikan dengan kadar faedah terendah sebanyak 0.08 peratus.

"Duit itu tidak masuk poket Perdana Menteri atau mana-mana menteri, kita cuma ambil hutang untuk bayar syarikat Balfour Beatty," katanya.

Dr Mahathir juga mempersoalkan bahawa pinjaman Kerajaan Britain sebenarnya bertujuan membantu syarikat-syarikat negara itu mendapatkan kontrak dan bukannya membantu kerajaan Malaysia.

Katanya, kebanyakan syarikat British menawarkan sebut harga yang tinggi daripada syarikat asing lain dan bagi membantu syarikat British mendapatkan kontrak, kerajaan Britain memberikan bantuan kepada syarikat itu. — Bernama.